

MINGGU SPE 2010

Persatuan Mahasiswa Perniagaan & Ekonomi (PMPE) sekali lagi telah berjaya menganjurkan aktiviti tahunan MINGGU SPE bagi kali yang ke 8. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang 3 hari program berlangsung antaranya pameran, ceramah kerjaya, pertandingan kuiz pelaburan, amazing race serta tidak ketinggalan gerai-gerai jualan. Menurut Presiden PMPE merangkap Pengarah program Minggu SPE, Datu Mohd Rais Aslam Datu Jamigul, program Minggu SPE kali ke 8, terpaksa ditunda beberapa kali dari tarikh asal disebabkan beberapa faktor serta kekangan yang tidak dapat dielakkan. Namun begitu menurut beliau, program ini berjaya juga direalisasikan hasil kerjasama semua pihak khususnya pihak HEP, Pentadbiran sekolah, MPP serta beberapa sumbangan dari pihak penaja. Program ini telah di rasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni) yang juga merupakan mantan Dekan SPE, Prof Madya Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur. Turut hadir dalam majlis perasmian ialah Dekan SPE, Prof. Madya Dr. Hjh Arsiah Hj. Bahron, timbalan-timbalan dekan serta kakitangan SPE. Dalam ucapan alu-aluan, Dekan SPE menyatakan semangat serta penglibatan pelajar-pelajar SPE dalam menganjurkan pelbagai program di peringkat sekolah dan universiti menjadi tunjang kepada kredibiliti pelajar meneruskan perjalanan karier di masa depan. Kecenderungan pelajar yang bukan sahaja menumpukan pada pelajaran malah terlibat dalam aktiviti kokurikulum menjadi nilai tambah dalam diri seseorang pelajar untuk menjadi pelajar yang berjaya.

